

**Parlimen: 26,777 Orang Sertai Skwad Muda 1JPJ Setakat Ini  
Bernama  
17 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Sebanyak 26,777 peserta telah menyertai Skwad Muda 1JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) setakat ini, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Isnin.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, kementerian menerusi JPJ sedang giat mengadakan pelbagai program kesedaran keselamatan jalan raya untuk menggalakkan lebih ramai golongan muda menyertai skuad itu.

"Sasaran untuk mencapai 300,000 anggota menjelang 2015...pihak JPJ sedang membesarkan lagi (bilangan) anggota skuad untuk kita bangunkan satu masyarakat yang ada kesedaran untuk menjaga keselamatan pengguna jalan raya.

"Ini kerana kita sedia maklum bahawa pada hari ini kadar kematian ialah 18 kematian dari kemalangan setiap hari, angka ini amat membimbangkan, sebab itu kerajaan libatkan semua masyarakat dan kelab-kelab permotoran sangat digalakkan untuk mendaftar sebagai anggota skuad," katanya menjawab soalan Datuk Sapawi Ahmad Wasali (BN-Sipitang).

Beliau berkata penglibatan Skwad Muda 1JPJ itu dalam Ops Tahun Baharu Cina lepas amat bertepatan apabila perangkaan daripada polis menunjukkan kes kemalangan jalan raya sepanjang Ops Selamat 4 telah menurun kepada 14,836 kes berbanding 16,287 kes pada operasi tahun lalu.

"Selari dengan penurunan ini, bilangan kematian juga menurun kepada 159 kematian berbanding 194 kematian pada tahun ini iaitu penurunan sebanyak 18.04 peratus," katanya.

Ab Aziz berkata langkah kerajaan melibatkan anggota skuad dalam ops itu merupakan satu bentuk pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan iaitu anggota penguatkuasa JPJ ditempatkan bersama-sama anggota Skwad Muda 1JPJ di lokasi-lokasi dikenal pasti.

"Di samping anggota penguatkuasa JPJ yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan, anggota skuad pula berperanan memberikan khidmat nasihat dan kesedaran keselamatan jalan raya (kepada pengguna jalan raya)," katanya.

Beliau berkata selain aktiviti keselamatan jalan raya, anggota skuad juga turut dilibatkan dalam aktiviti JPJ seperti program Satu Komuniti Satu JPJ serta membantu mangsa banjir di Kuantan, Pahang dan Kemaman, Terengganu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022484>